



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI MURNI  
WATAK UTAMA DALAM NOVEL KANAK-KANAK  
XU YOU BIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SEOW HOOI LEE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI-NILAI MURNI WATAK UTAMA DALAM  
NOVEL KANAK-KANAK  
XU YOU BIN

SEOW HOOI LEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA  
SASTERA (BAHASA CINA)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
ii

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
iii

## BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan saya kerana dengan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan kajian ini. Sepanjang penyelidikan kajian ini, saya telah menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran. Bagaimanapun, dengan sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak, akhirnya saya berjaya juga menyiapkan penyelidikan ini. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada penyelia saya, Dr. Lin Chui Ying, beliau tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menolong saya menayakan kajian ini.

Kepada ahli keluarga yang disayangi, iaitu ayah, suami dan dua orang anak perempuan. Saya amat terharu atas sokongan yang diberi oleh mereka dalam sepanjang proses penyelidikan. Terutamanya pengorbanan yang dilimpahkan oleh suami saya. Dalam hati tulus saya, semangat yang mereka berikan adalah nafas untuk diri saya meneruskan cita-cita yang diimpikan.

Akhir sekali, terima kasih buat rakan-rakan saya, Chong Mei Yen dan Dr.Ng Pei Ni yang banyak membantu dan menghulurkan tangan semasa proses menyiapkan kajian ini. Budi dan jasa kalian akan sentiasa terpahat di sanubari..Sekian, Terima Kasih.





## ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan untuk menganalisis unsur nilai murni yang tergarap dalam watak utama novel kanak-kanak karya Xu You Bin. Subjek kajian ini terdiri daripada 21 buah novel kanak-kanak Xu You Bin. Novel kanak-kanak Xu You Bin dipilih kerana beliau merupakan seorang penulis Malaysia yang cemerlang dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak dan pernah menerima anugerah berperingkat kebangsaan disamping novel kanak-kanaknya telah diterjemahkan dalam bentuk filem. Kaedah analisis dokumen digunakan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni dalam novel tersebut berpandukan 14 jenis nilai-nilai murni yang termaktub dalam DSKP KSSR Pendidikan Moral. Pendekatan Moral yang berkait rapat dengan aspek norma, nilai-nilai serta sistem kepercayaan dijadikan sebagai landasan kajian ini dan menilai sastera dari sudut didaktik. Semua nilai murni dalam KSSR Pendidikan Moral iaitu 14 jenis nilai murni yang dinyatakan dalam DSKP telah dijadikan sebagai rujukan analisis nilai murni yang dipaparkan oleh watak utama melalui plot dan cerita novel. Dapatan menunjukkan antara 21 buah novel terdapat 16 buah novel telah didapati mengandungi nilai kasih sayang; terdapat 14 buah novel yang mengandungi nilai baik hati dan 12 buah novel yang memaparkan nilai kejujuran telah dikenal pasti. Dapatan kajian menunjukkan novel kanak-kanak Xu You Bin telah menerapkan pelbagai nilai moral yang dipaparkan melalui watak novel. Nilai moral tersebut telah menunjukkan bahawa nilai-nilai murni watak utama adalah bersifat positif dan mungkin dapat berfungsi dalam pembentukan semangat menghadapi cabaran dan personaliti kanak-kanak yang murni. Dapatan kajian juga memberi implikasi kepada pihak sekolah, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid dalam pemilihan bahan bacaan yang berkualiti tinggi khususnya novel kanak-kanak di mana watak-watak utama dapat menunjukkan nilai-nilai murni yang tinggi.

Kunci kata: novel kanak-kanak; nilai-nilai murni; watak utama; Pendidikan Moral





## MORAL VALUE POSSESSED BY MAIN CHARACTERS IN CHILDREN NOVELS BY XU YOU BIN

### ABSTRACT

The aim of this study is to analyze the elements of pure values embedded in the main character of Xu You Bin's children novels. The subject of this study consists of 21 Xu You Bin children novels. Xu You Bin's children novel was chosen because he is a Malaysian writer who excelled in children's literature and had received national awards. The document analysis method was used to identify the moral values in the novel based on the 14 types of moral values listed in the KSSR Moral Education. Moral approaches that are closely related to the aspects of norms, values and belief systems form the basis of this study and evaluate literature with a didactic approach. All the moral values in the KSSR of Moral Education which are the 14 types of moral values expressed in the DSKP have been used as references to the analysis of the moral values revealed by the main characters through novel plots and stories. Findings show that among 21 novels, 16 novels have been found to contain the value of love; There are 14 novels that showed kindness and 12 novels that portrayed the value of honesty. The findings of the study show that Xu You Bin's children novels have applied various moral values expressed through the characters of the novel. These moral values have shown that the core values of the main character are positive and may work in developing a positive attitude toward the challenges and personalities of children. The findings also have implications for schools, teachers, parents and students in the selection of high quality reading materials, especially children novels where the main characters exhibit high values.

Key Words : children novel, moral value, main characters, moral education



## KANDUNGAN

|                                               | <b>Muka surat</b> |
|-----------------------------------------------|-------------------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>            | <b>ii</b>         |
| <b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b> | <b>iii</b>        |
| <b>PENGHARGAAN</b>                            | <b>iv</b>         |
| <b>ABSTRAK</b>                                | <b>v</b>          |
| <b>ABSTRACT</b>                               | <b>vi</b>         |
| <b>KANDUNGAN</b>                              | <b>vii</b>        |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                         | <b>xi</b>         |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                          | <b>xii</b>        |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                      | <b>xiii</b>       |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                       | <b>xiv</b>        |
| <b>BAB 1 PENGENALAN</b>                       | <b>1</b>          |
| 1.1 Pengenalan                                | 1                 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                     | 2                 |
| 1.3 Masalah Kajian dan Kepentingan Kajian     | 4                 |
| 1.4 Objektif Kajian                           | 6                 |
| 1.5 Soalan Kajian                             | 6                 |
| 1.6 Batasan Kajian                            | 7                 |
| 1.7 Sumber Kajian                             | 8                 |
| 1.8 Definisi Konsep                           | 14                |

|       |                                                                                          |    |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.8.1 | Nilai Murni dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP) KSSR Pendidikan Moral | 14 |
| 1.8.2 | Novel Kanak-kanak                                                                        | 15 |
| 1.8.3 | Watak Utama                                                                              | 16 |
| 1.9   | Rumusan                                                                                  | 17 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR** 19

|       |                                               |    |
|-------|-----------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                    | 19 |
| 2.2   | Kesusasteraan Kanak-kanak                     | 20 |
| 2.2.1 | Definisi Kesusasteraan Kanak-kanak            | 20 |
| 2.2.2 | Jenis dan Ciri-ciri Karya Sastera Kanak-kanak | 26 |
| 2.2.3 | Fungsi dan Peranan Sastera Kanak-kanak        | 29 |
| 2.3   | Novel Kanak-kanak dan Perwatakan dalam Novel  | 33 |

|       |                                                                |    |
|-------|----------------------------------------------------------------|----|
| 2.3.1 | Novel Kanak-kanak                                              | 33 |
| 2.3.2 | Watak dan Perwatakan dalam Novel                               | 37 |
| 2.4   | Nilai –nilai Murni                                             | 41 |
| 2.4.1 | Definisi Nilai-nilai Murni                                     | 43 |
| 2.4.2 | Pembentukan Nilai-nilai Murni dalam Kanak-kanak                | 45 |
| 2.4.3 | Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral | 48 |
| 2.5   | Nilai-nilai Murni dan Perkembangan Sahsia Kanak-kanak          | 50 |
| 2.5.1 | Definisi Sahsia                                                | 51 |
| 2.5.2 | Nilai-nilai dan Perkembangan Sahsia Kanak-kanak                | 53 |
| 2.6   | Rumusan                                                        | 56 |

## **BAB 3 METODOLOGI** 58

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan         | 58 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 59 |

|        |                                                                            |    |
|--------|----------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.3    | Kerangka Kajian                                                            | 59 |
| 3.4    | Kaedah Kajian Analisis Dokumen                                             | 62 |
| 3.5    | Pendekatan Moral                                                           | 64 |
| 3.6    | Nilai Murni dalam KSSR Pendidikan Moral                                    | 66 |
| 3.6.1  | Kepercayaan Kepada Tuhan                                                   | 67 |
| 3.6.2  | Baik Hati                                                                  | 67 |
| 3.6.3  | Bertanggungjawab                                                           | 68 |
| 3.6.4  | Berterima Kasih                                                            | 68 |
| 3.6.5  | Hemah Tinggi                                                               | 68 |
| 3.6.6  | Hormat                                                                     | 69 |
| 3.6.7  | Kasih Sayang                                                               | 69 |
| 3.6.8  | Keadilan                                                                   | 69 |
| 3.6.9  | Keberanian                                                                 | 70 |
| 3.6.10 | Kejujuran                                                                  | 70 |
| 3.6.11 | Kerajinan                                                                  | 70 |
| 3.6.12 | Kerjasama                                                                  | 70 |
| 3.6.13 | Kesederhanaan                                                              | 71 |
| 3.6.14 | Toleransi                                                                  | 71 |
| 3.6.15 | Analisis Kajian yang Mengaplikasikan Prinsip Ketiga dalam Pendekatan Moral | 71 |
| 3.7    | Rumusan                                                                    | 73 |

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN** 74

|     |                                                         |    |
|-----|---------------------------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan                                              | 74 |
| 4.2 | Mengenal Pasti Watak Utama Novel Kanak-kanak Xu You Bin | 75 |

|                           |                                                                                                                                                   |            |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 4.3                       | Mengenal Pasti Nilai Murni Watak Utama dalam Novel Xu You Bin dengan Berasaskan 14 Nilai Murni Pendidikan Moral KSSR Berpandukan Pendekatan Moral | 78         |
| 4.4                       | Menghuraikan 5 Nilai-nilai Murni yang Paling Kerap Dipaparkan dalam Watak Utama Novel Kanak-kanak Xu You Bin                                      | 83         |
| 4.4.1                     | Kasih Sayang                                                                                                                                      | 85         |
| 4.4.2                     | Baik Hati                                                                                                                                         | 89         |
| 4.4.3                     | Kejujuran                                                                                                                                         | 94         |
| 4.4.4                     | Keberanian                                                                                                                                        | 97         |
| 4.4.5                     | Kesederhanaan                                                                                                                                     | 100        |
| 4.5                       | Rumusan                                                                                                                                           | 105        |
| <b>BAB 5 PERBINCANGAN</b> |                                                                                                                                                   | <b>106</b> |
| 5.1                       | Pengenalan                                                                                                                                        | 106        |
| 5.2                       | Perbincangan Dapatan Kajian                                                                                                                       | 107        |
| 5.2.1                     | Novel Kanak-kanak Xu You Bin                                                                                                                      | 107        |
| 5.2.2                     | Perwatakan Watak Utama                                                                                                                            | 109        |
| 5.2.3                     | Novel Sebagai Bahan Bacaan Sekolah                                                                                                                | 111        |
| 5.3                       | Implikasi Kajian                                                                                                                                  | 115        |
| 5.4                       | Cadangan Kajian                                                                                                                                   | 117        |
| <b>RUJUKAN</b>            |                                                                                                                                                   | <b>119</b> |



## SENARAI JADUAL

| No. Jadual                                                                | Muka Surat |
|---------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1 Senarai Karya Sastera Kanak-kanak Xu You Bin                          | 9          |
| 1.2 Anugerah yang Diterima oleh Xu You Bin                                | 12         |
| 1.3 Senarai Karya Xu You Bin yang Diterjemahkan dalam Bentuk Filem        | 13         |
| 4. 1 Watak Utama dalam Novel Kanak-kanak Xu You Bin                       | 76         |
| 4. 2 Sub Nilai dalam 14 Nilai Murni dalam DSKP Pendidikan Moral           | 78         |
| 4. 3 Nilai-nilai Murni yang Dipaparkan oleh Watak Utama Novel Xu You Bin  | 81         |
| 4. 4 Kekerapan Nilai murni yang Terpapar Berasaskan KSSR Pendidikan Moral | 85         |
| 5. 1 Rumusan Umur Watak Utama Novel Xu You Bin                            | 111        |
| 5. 2 Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Merentasi Kurikulum          | 114        |





## SENARAI RAJAH

### No. Rajah

### Muka Surat

|      |                                                        |    |
|------|--------------------------------------------------------|----|
| 3.1. | Kerangka Kajian                                        | 61 |
| 3.2. | Nilai Murni dalam DSKP Pendidikan Moral Sekolah Rendah | 67 |





## SENARAI SINGKATAN

DSKP                      Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

FPK                      Falsafah Pendidikan Kebangsaan

KBSR                    Kurikulum Baru Sekolah Rendah

KSSR                    Kurikulum Standard Sekolah Rendah





## SENARAI LAMPIRAN

- A Catatan Sinopsis dan Nilai Murni yang Dipaparkan dalam Watak Utama 21 Buah Novel Kanak-kanak Xu You Bin.
- B Analisis Nilai Murni dan Kekerapan Nilai Murni yang Terpapar dalam 21 buah Novel Xu You Bin Berasaskan Nilai Murni dalam DSKP KSSR Pendidikan Moral Berpandukan Pendekatan Moral.





## BAB 1

### PENGENALAN



#### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara ringkas tentang latar belakang kajian iaitu kepentingan dan fungsi kesusasteraan kanak-kanak, novel kanak-kanak dan novel Xu You Bin. Di samping itu, masalah kajian dan kepentingan kajian, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian, sumber kajian serta takrif konsep penting turut dibincangkan.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan adalah satu bentuk seni jika dipandang dari sudut estetika. Ia merupakan penggambaran hidup dan pemikiran yang imaginatif. Baik kesusasteraan kanak-kanak mahupun remaja atau dewasa, merangkumi segala aspek kehidupan manusia yang penuh dengan perasaan, pemikiran dan pengertian yang mendalam. Maka karya sastera merupakan satu media yang memaparkan gambaran kehidupan sesebuah masyarakat. Karya yang berkualiti dapat menggambarkan pelbagai fenomena seperti nilai-nilai moral dari segi situasi sosial dan sejarah yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, ia juga dapat memberi rangsangan kepada insan dalam pembinaan dan pembentukan nilai yang mulia. Sejak abad ke-18, bidang kesusasteraan kanak-kanak telah wujud dan berkembang pesat di negara-negara barat, namun perkembangan kesusasteraan kanak-kanak di negara-negara Asia masih jauh di belakang terutamanya dalam aspek penulisan dan pembacaan. Di Malaysia, secara umumnya perkembangan kesusasteraan kanak-kanak masih dalam peringkat permulaan khususnya dalam bidang pengarang dan penerbitan karya sastera kanak-kanak dalam bahasa Cina.

Hasil karya kesusasteraan kanak-kanak seperti cerita rakyat, cerpen dan novel akan mengapresiasi alam sekitar, masyarakat, tamadun dunia yang bakal mempengaruhi masa hadapan pembaca. Ia dapat memperkembangkan serta mempertingkatkan daya keintelektualan para pembaca. Sesebuah novel kanak-kanak yang bermutu tinggi bukan saja dapat membimbing para pembaca untuk berfikir dengan lebih mendalam tentang perwatakan, namun juga dapat memahami tentang elemen dan latar belakang masyarakat serta masalah-masalah manusia yang universal. Selain itu, ia juga dapat membantu para pembaca untuk menghayati keindahan penulisan sastera





yang penuh dengan ketenangan, keajaiban, jenaka, kekecewaan, kesengsaraan, ketidakadilan dan kecelakaan hidup melalui pembacaan mereka. Akhir sekali, ia juga berupaya untuk merangsangkan pemikiran, penglibatan dan kehalusan perasaan pembaca di samping dapat menarik perhatian pembaca kepada perkara-perkara yang khusus dan universal.

Justeru, pembacaan bahan sastera memang memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku dan akhlak serta emosi pembaca. Ia merupakan suatu aktiviti kognitif yang boleh mempengaruhi kanak-kanak dari aspek sosial dan moral, di samping berperanan sebagai hiburan kanak-kanak. Secara umumnya, para pendidik, guru dan ibu bapa beranggapan bahawa membaca dapat mempengaruhi pembentukan tingkah laku dan akhlak mulia kanak-kanak. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa jenis dan isi kandungan bahan bacaan yang dibaca oleh kanak-kanak adalah sangat penting. Maka ibu bapa dan para pendidik seharusnya mengambil berat dan memberi perhatian yang rapi atas pengaruh bahan bacaan terhadap kanak-kanak khususnya dari aspek nilai moral dan rohani.

Berdasarkan pemerhatian, didapati bahawa kebanyakan golongan pelajar yang gemar membaca novel tempatan adalah pelajar antara Tahun Empat hingga Tahun Enam. Antara sebab yang mungkin mendorong pelajar tersebut gemar membaca novel-novel tempatan adalah novel tersebut lebih mudah diperolehi atau dibeli di pasaran tempatan. Di samping itu, kebanyakan sekolah rendah tempatan telah menjalankan projek tertentu untuk meningkatkan minat membaca murid-murid seperti penyediaan sudut bacaan di bilik darjah atau sekolah serta melaksanakan Projek Nilam yang turut memainkan peranan penting di sekolah. Tambahan pula, tahap bahasa yang digunakan





adalah lebih mudah dan sesuai dengan budaya dan persekitaran negara kita berbanding dengan novel terbitan luar negara. Ini kerana cerita novel tempatan lebih menggambarkan persekitaran tempatan dan berkait rapat dengan pengalaman dan kehidupan kanak-kanak di Malaysia.

Antara novel tempatan yang digemari oleh kanak-kanak di Malaysia ialah novel yang diterbitkan oleh pengarang tempatan iaitu Xu You Bin. Beliau merupakan pengarang yang terkenal dan paling digemari oleh murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Malaysia. Berdasarkan kajian soal selidik Yang (2012), didapati bahawa terdapat 91% murid dari 10 buah sekolah rendah di kawasan Klang mengenali Xu You Bin serta suka membaca novel novel beliau. Namun, ibu bapa mahupun para pendidik tidak mempunyai maklumat yang banyak tentang pengarang dan penghasilan penulisan tempatan sebagai rujukan untuk membuat pertimbangan dalam pemilihan bahan bacaan kanak-kanak. Ini menunjukkan bahawa kajian yang mendalam tentang novel-novel tempatan ini masih kurang dan menyebabkan pengetahuan tentang ciri-ciri serta keunikan novel tempatan masih tidak mencukupi. Oleh itu, kajian yang lebih mendalam tentang karya sastera kanak-kanak tempatan amat diperlukan.

### 1.3 Masalah Kajian dan Kepentingan Kajian

Pada masa kini, khasnya di Malaysia, memang tidak banyak kajian dilaksanakan terutama kajian-kajian yang menyentuh tentang nilai-nilai murni karya sastera kanak-kanak, khususnya karya sastera kanak-kanak dalam bahasa Cina. Secara umumnya, kita masih tidak mempunyai data dan maklumat yang mencukupi mengenai perkembangan





penghasilan karya sastera kanak-kanak tempatan dan ciri-ciri serta keunikannya di Malaysia. Kajian tentang hasil karya kanak-kanak tempatan yang pelbagai genre jarang ditemui seperti nyanyian, puisi, cerpen, dan novel begitu juga dengan kajian yang mengenai aspek tema, gaya bahasa, perwatakan, nilai estetika serta nilai moral. Lebih-lebih lagi tentang kajian yang mendalam tentang pengarang tempatan dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak seperti novel, cerpen atau puisi kanak-kanak. Jika berbanding dengan negara Asia yang lain seperti negara China dan Taiwan, banyak kajian dalam bidang sastera kanak-kanak. Kajian tersebut merangkumi pelbagai aspek seperti gaya penulis karya kanak-kanak tempatan, ciri-ciri karya tempatan, nilai estetika karya dan sebagainya

Secara kesimpulannya, berdasarkan data kajian yang dapat dikumpul didapati



kajian tentang aspek nilai murni dan moral yang berkaitan dengan hasil karya sastera kanak-kanak jarang dikaji oleh para pengkaji sama ada di luar negara mahupun di Malaysia. Mempertimbangkan bahawa karya sastera yang baik semestinya mempunyai nilai moral (Mana Sikana, 1945: 106). Maka kajian aspek nilai murni yang terkandung dalam bahan bacaan kanak-kanak seperti novel kanak-kanak yang memberi impak dan pengaruh terhadap perkembangan sahsiah kanak-kanak tempatan adalah penting dan sangat-sangat diperlukan.

Justeru, kajian ini adalah penting untuk mengisi kekosongan bidang kajian sastera kanak-kanak di Malaysia serta menyahut keperluan dalam karya novel kanak-kanak penulis tempatan, terutamanya dalam meninjau aspek nilai murni. Di samping itu, dapatan kajian ini mungkin boleh dijadikan bahan rujukan untuk ibu bapa dan para





pendidik dalam pemilihan bahan bacaan dan membeli bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak dalam lingkungan umur yang berbeza.

#### 1.4 Objektif kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Menenal pasti watak utama novel kanak-kanak Xu You Bin.
- ii. Menenal pasti nilai murni watak utama dalam novel kanak-kanak Xu You Bin dengan berasaskan 14 nilai murni Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Moral berpandukan Pendekatan Moral;
- iii. Menghuraikan 5 aspek nilai-nilai murni yang paling kerap dipaparkan dalam watak utama novel kanak-kanak Xu You Bin.

#### 1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Siapakah watak utama dalam novel kanak-kanak Xu You Bin?
- ii. Apakah aspek nilai-nilai murni watak utama dalam novel Xu You Bin dengan berasaskan nilai-nilai murni dalam DSKP KSSR Pendidikan Moral berpandukan Pendekatan Moral?





- iii. Bagaimanakah 5 nilai-nilai murni yang paling kerap dipaparkan dalam watak utama novel kanak-kanak Xu You Bin?

## 1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah penting untuk memastikan kajian yang dijalankan tidak terpesong daripada masalah kajian. Kajian ini tertakluk kepada batasan-batasan berikut:

- i. Kajian ini hanya dibataskan kepada novel Xu You Bin .
- ii. Kajian ini juga terbatas kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam watak-watak utama dari 21 buah novel yang dihasilkan oleh Xu You Bin sejak tahun 2006 hingga tahun 2016.
- iii. Kajian ini juga terbatas dengan kekurangan kajian-kajian lepas tempatan tentang nilai murni karya kesusasteraan kanak-kanak terutamanya novel kanak-kanak penulisan pengarang tempatan.
- iv. Kajian ini tertumpu kepada 5 nilai murni yang paling kerap.

Maka, kajian ini hanya meneroka dan mengkaji karya novel Xu You Bin sahaja dan dapatan kajian tidak dapat memberi kefahaman yang menyeluruh tentang ciri-ciri dan aspek karya novel kanak-kanak Malaysia secara meluas. Tambahan lagi, aspek nilai murni yang dijadikan sebagai perbandingan antara bahan hanya menggunakan nilai murni universal yang terkandung dalam DSKP KSSR pendidikan Moral di Malaysia.





## 1.7 Sumber Kajian

Dalam kajian ini, sebanyak 21 buah novel kanak-kanak yang ditulis oleh pengarang tempatan, Xu You Bin dijadikan sebagai sumber kajian. Novel-novel Xu You Bin dipilih sebagai sumber kerana pencapaian beliau yang amat cemerlang dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak iaitu:

- i. Beliau merupakan karyawan yang berpengalaman dan aktif dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak tempatan;
- ii. Beliau pernah menerima 2 (dua) anugerah berperingkat kebangsaan.;
- iii. 4 (empat) buah karya novel beliau telah diterjemahkan dan dijadikan filem kanak-kanak oleh Syarikat Astro setakat tahun 2016.
- iv. Karya novel beliau diterbitkan dan dipasarkan di negara China dan mempunyai



Dalam tempoh masa 10 tahun, Xu You Bin telah menghasilkan 24 buah novel (rujuk jadual 1.1). Antara 2 buah karya yang ditulis atas kerjasama anak perempuannya dan 3 buah novel diterbitkan sebagai novel bergambar. Maka, kajian ini hanya mengkaji kesemua karya penulisan beliau dalam genre novel, iaitu sebanyak 21 buah novel telah dipilih sebagai sumber kajian seperti yang disenaraikan dalam jadual 1.1.





## Jadual 1. 1

*Senarai Karya sastera kanak-kanak Xu You Bin*

| No  | Tajuk Novel                              | Tahun Diterbit | Catatan                                                                   |
|-----|------------------------------------------|----------------|---------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Qi Tian<br>(七天)                          | 2006           |                                                                           |
| 2.  | Shi Yue<br>十月                            | 2007           |                                                                           |
| 3.  | Shan Liang De Shi Ke<br>闪亮的时刻            | 2008           |                                                                           |
| 4.  | 55 Nian (55)<br>55 年                     | 2008           |                                                                           |
| 5.  | Xiao Shi Zai Xing Lai Zhi Hou<br>消失在醒来之后 | 2009           |                                                                           |
| 6.  | E Luan Shi<br>鹅卵石                        | 2009           |                                                                           |
| 7.  | Qing Se De Wei Qiang<br>青色的围墙            | 2009           | Karya ini ditulis bersama<br>anak perempuannya yang<br>bernama Xu Shu Qin |
| 8.  | Xiao Huang Li Niao<br>小黄鹂鸟               | 2010           |                                                                           |
| 9.  | Ba Ni Dai Zhou<br>把你带走                   | 2010           |                                                                           |
| 10. | He Liang An<br>河两岸                       | 2010           |                                                                           |
| 11. | Zai Kan Yi Yan<br>再看一眼                   | 2011           | Karya ini ditulis bersama<br>anak perempuannya yang<br>bernama Xu Shu Qin |
| 12. | Da Feng Chui<br>大风吹                      | 2012           | Angin bertiup masa remaja<br>episod satu                                  |

(Bersambung)





Jadual 1.1 (Sambungan)

| No. | Tajuk Novel                                                    | Tahun Diterbit | Catatan                                     |
|-----|----------------------------------------------------------------|----------------|---------------------------------------------|
| 13. | Ban Xin Niang<br>扮新娘                                           | 2012           | Angin bertiup masa remaja<br>episod dua     |
| 14. | Nan Hai Yu Hai Gui<br>男孩与海龟                                    | 2013           | Novel bergambar                             |
| 15. | Tiao Fang Zi<br>跳房子                                            | 2013           | Angin bertiup masa remaja<br>episod tiga    |
| 16. | Yu Jian Da Sha Gua<br>遇见大傻瓜                                    | 2013           | Buku cerita bergambar                       |
| 17. | Zai Jian Da Sha Gua<br>再见大傻瓜                                   | 2014           | Buku cerita bergambar                       |
| 18. | 2042 Nian Bei Bao Li De<br>Tian Kong<br>2042 年背包里的天空           | 2014           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod satu  |
| 19. | 2043 Nian Wu Bian De Jia<br>Suo<br>2043 年无边的枷锁                 | 2014           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod dua   |
| 20. | 2044 Nian Bei Mo Hei De<br>Guang Huan<br>2044 年——被抹黑的光<br>环    | 2014           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod tiga  |
| 21. | 2045 Nian Chen Ji De Hou<br>Sheng<br>2045年——沉寂的吼声              | 2015           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod empat |
| 22. | 2046 Nian Zi You De Ling<br>Yu<br>2046 自由的囹圄                   | 2015           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod lima  |
| 23. | 2047 Xia Yan De Deng Ta<br>2047瞎了眼的灯塔                          | 2016           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod enam  |
| 24. | 2047 Nian Yi Hou Shi<br>Quan Jiu Mei De Da Jie 年<br>以后十全九美的大结局 | 2016           | Manusia yang tidak<br>sempurna episod tujuh |





Jadual 1.1 menunjukkan karya sastera iaitu novel yang diterbitkan oleh Xu You Bin dari tahun 2008 hingga tahun 2016. Beliau pernah menerima anugerah dalam bidang kesusasteraan peringkat kebangsaan, iaitu bidang yang belum mendapat perhatian masyarakat Malaysia secara umumnya (rujuk jadual 1.2). Seperti mana yang dinyatakan, perkembangan kesusasteraan kanak-kanak tempatan masih berada di peringkat permulaan dan masih kurang matang. Pada masa yang sama, memang kurang program atau aktiviti penulisan karya novel kanak-kanak dijalankan di peringkat sekolah, daerah, negeri atau kebangsaan bagi menggalakkan penulisan karya novel kanak-kanak. Di samping itu, pertandingan atau aktiviti yang giat dalam bidang kesusasteraan bahasa Cina khususnya bidang kesusasteraan kanak-kanak juga jarang dilangsungkan. Antara program yang terkenal ialah Pertandingan kesusasteraan Bahasa Cina Tempatan Hua Zong Wen Xue Jiang (花踪文学奖) yang dianjurkan oleh Sin Chew Jit Poh, tetapi anugerah pertandingan ini hanya memberikan tumpuan kepada kesusasteraan bahasa Cina kanak-kanak dalam tempoh masa yang singkat iaitu antara tahun 1999 sampai tahun 2003. Selepas itu, tidak lagi program yang berkaitan dengan penulisan novel kanak-kanak bahasa Cina dilangsungkan di tanah air. Keadaan tersebut jelas menunjukkan kekurangan sumber novel kanak-kanak dan batasan kepada kajian kesusasteraan kanak-kanak, khususnya kajian terhadap novel kanak-kanak.





## Jadual 1. 2

*Anugerah Yang Diterima Oleh Xu You Bin*

| NO | Anugerah                          | Tahun | Nama Karya       |
|----|-----------------------------------|-------|------------------|
| 1. | Anugerah Dua Tahun Sekali Sastera | 2008  | Qi Tian          |
|    | Kanak-kanak Bahasa Cina Malaysia  |       | 七天               |
|    | 马汉儿童文学双年奖                         |       |                  |
| 2. | Juara dalam Anugerah Novel Pemuda | 1990  | Yi Gen Tou Fa De |
|    | Tempatan                          |       | Gushi            |
|    | 马来西亚第四届乡青中篇小说奖第                   |       | 一根头发的故事          |
|    | 一名                                |       |                  |



Selain daripada pencapaian anugerah peringkat kebangsaan, karya novel beliau pernah diterjemahkan dalam bentuk filem. Terdapat 4 (empat) buah novel kanak-kanak beliau diterjemahkan dalam bentuk filem yang kerap disiarkan melalui Astro, iaitu syarikat televisyen satelit di Malaysia. Jadual 1.3 memaparkan maklumat novel kanak-kanak beliau yang telah diterjemahkan dalam bentuk filem. Ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi terhadap mutu karya novel kanak-kanak yang dihasilkan oleh Xu You Bin.



### Jadual 1. 3

Senarai karya Xu You Bin yang diterjemahkan dalam bentuk filem

| No | Nama Karya           | Tahun | Penerbit                           | Tahun Filem |
|----|----------------------|-------|------------------------------------|-------------|
| 1  | Qi Tian              | 2006  | <i>Odonata Publishing Sdn.Bhd.</i> | 2014        |
| 2  | Shi Yue              | 2007- | <i>Odonata Publishing Sdn.Bhd.</i> | 2015        |
| 3  | Shan Liang De Shi Ke | 2008  | <i>Odonata Publishing Sdn.Bhd.</i> | 2015        |
| 4  | Er Luan Shi          | 2009  | <i>Odonata Publishing Sdn.Bhd.</i> | 2016        |

Sejak tahun 2011, semua karya Xu You Bin telah diterbitkan dan dipasarkan di negara China. Pencapaian beliau ini amat membanggakan kerana ini merupakan julung kalinya karya sastera bahasa Cina terbitan penulis Malaysia menjejak kaki di pasaran sastera negara China secara besar-besaran. Karya novel beliau telah berjaya menarik perhatian pembaca kanak-kanak di negara China.



## 1.8 Definisi Konsep

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu dijelaskan dan diuraikan definisi dan konsepnya. Antaranya adalah nilai murni DSKP KSSR Pendidikan Moral, novel kanak-kanak dan watak utama.

### 1.8.1 Nilai Murni Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Pendidikan Moral

Mengikut Abd Rahim Abd Rashia (2001), nilai murni ialah nilai yang menjadi asas kepada pembentukan akhlak. Nilai murni memupuk dan melahirkan manusia yang berketerampilan dan seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Ini penting dalam mengukuhkan peradaban hidup yang mulia. Isu-isu moral kritikal yang dihadapi oleh masyarakat perlu didedahkan kepada pelajar supaya mereka dapat memainkan peranan dalam mengukuhkan nilai-nilai moral dalam segala bentuk amalan, tanggungjawab, tindakan dan keputusan yang dibuat.

Dalam kajian ini, 14 nilai murni dari DSKP KSSR Pendidikan Moral digunakan untuk menganalisis nilai murni yang ditonjolkan dalam watak utama novel Xu You Bin. 14 nilai-nilai murni dalam DSKP KSSR Pendidikan Moral telah dilaksanakan pada tahun 2011 adalah untuk memberi penekanan pada pendidikan nilai murni kepada murid-murid sekolah rendah. Nilai-nilai murni tersebut adalah komponen asas dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia ke arah membentuk tingkah laku manusia yang bersifat nilai murni univesal seperti baik hati, bertanggungjawab, kasih sayang, kesederhanaan dan toleransi, seperti yang dinyatakan dalam nilai murni universal





dalam DSKP KSSR Pendidikan Moral. Antara 14 nilai murni yang terkandung dalam DSKP KSSR Pendidikan Moral Sekolah Rendah terdiri daripada: kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi dan sebagainya.

### 1.8.2 Novel Kanak-kanak

Kajian ini memberi tumpuan kepada 21 buah novel kanak-kanak Xu You Bin, novel-novel itu dihasilkan dari tahun 2006 hingga 2016. Antara novel-novel tersebut terdiri daripada tema berunsur persahabatan, unsur kekeluargaan, unsur cinta sayang, unsur sejarah, dan unsur sains dan khayalan. Sasaran pembacanya adalah kanak-kanak yang berumur 10 hingga 15 tahun. Menurut Zhu.Z.Q,(2008) , novel kanak-kanak merupakan salah satu bentuk kesusasteraan kanak-kanak. Novel kanak-kanak biasanya dalam bentuk penulisan pada aras sederhana serta mudah difahami oleh kanak -kanak. Tambahan pula, plot cerita yang menarik dan bermakna amat menarik minat kanak-kanak. Jenis novel kanak-kanak boleh dikategorikan kepada novel kehidupan, novel sejarah, novel pengembaraan, novel penyiasatan, novel modern, novel sains fiksyen dan sebagainya.

Menurut Roshani (2007), dalam proses penghasilan novel kanak-kanak perlulah sesuai dengan peringkat umur, tahap fikir dan penguasaan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Bentuk, isi, penjiwaan dan tujuan novel sepatutnya dapat menimbulkan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dengan segera. Dengan kata lain, penghasilan





novel kanak-kanak perlulah mempertimbangkan tahap pemahaman, ciri-ciri mental dan kemahiran membaca kanak-kanak supaya diterima dan digemari oleh golongan pembaca kanak-kanak.

Oleh itu, sesebuah novel kanak-kanak yang berkualiti mestilah mempunyai ciri-ciri gambaran yang jelas, penggunaan bahasa yang mudah difahami, kandungan novel perlulah bersesuaian dengan tahap pengalaman kanak-kanak dan mempunyai pengajaran supaya mencapai tujuan penyebaran nilai-nilai murni. Dalam kajian ini, novel yang dikaji adalah menepati pernyataan di atas, dan kajian pembaca adalah antara 10 tahun hingga 15 tahun.

Dari segi perkataan, jumlah perkataan dalam lingkungan 10000 merupakan novel yang panjang. Dalam kajian ini, novel kanak-kanak dirujuk kepada satu karya yang bercerita panjang, hasil karya dalam 10000 perkataan, mempunyai plot cerita yang dimainkan peranan penting oleh beberapa watak utama.

### 1.8.3 Watak Utama

Dalam novel Xu You Bin, watak utama biasanya terdiri daripada kanak-kanak atau remaja yang berumur dari 10 tahun sehingga 18 tahun. Jantinya terdapat lelaki dan perempuan. Menurut Othman Puteh(1984), watak yang dibentuk dalam novel hendaklah boleh dipercayai, bersifat realistik dan mempunyai emosi yang benar. Perkembangan pembentukan watak mestilah semula jadi, perlakuan dan percakapan sesuai mengikut umur, latar belakang, bangsa dan pendidikan watak. Seorang penulis





yang berjaya akan membolehkan kanak-kanak menerokai sendiri tentang motivasi dan nilai murni atau moral yang dipaparkan pada watak novel melalui fikiran, kata-kata, tindakan, bahasa dan perasaan individu.

Dalam sebuah novel, watak-watak yang mengembangkan tema dan persoalan serta plot melalui aksi, tindakan, dialog dan konflik. Perwatakan ialah ciri-ciri yang ditonjolkan melalui perlakuan watak. Perwatakan boleh dijelaskan melalui ciri-ciri seperti bentuk, paras rupa dan tingkah laku serta yang berupa jasmani yang berkaitan dengan perasaan sikap dan pemikiran.

Watak utama pula memainkan peranan penting dalam merentasi keseluruhan cerita dalam sesebuah novel atau drama. Penulis akan menumpukan perkembangan cerita berdasarkan watak utama dalam proses penulisan plot cerita.

Dalam kajian ini, watak utama ditujukan kepada watak yang merupakan orang yang penting dalam novel. Ia adalah watak yang selalu wujud dalam plot cerita dan merentasi keseluruhan cerita sehingga kisah tamat. Watak ini memainkan peranan yang penting dalam cerita dan memberi pengaruh yang ketara dalam keseluruhan cerita, sementara itu, watak ini mempunyai perubahan yang ketara dalam cerita.

## 1.9 Rumusan

Bab ini memberi gambaran secara ringkas dan menyeluruh tentang asas kajian ini dari aspek latar, masalah dan kepentingan kajian. Objektif utama kajian ini adalah bertujuan





untuk mengkaji nilai murni yang dipaparkan pada watak utama dengan mendalam dalam karya novel kanak-kanak yang ditulis oleh Xu You Bin yang setakat ini tiada kajian yang rapi dilakukan, khususnya dalam aspek nilai murni dalam novelnya. Kewajaran dan justifikasi kajian ini dalam memilih pengarang tempatan Xu You Bin turut diperbincangkan. Walaubagaimanapun, skop kajian ini hanya terbatas kepada novel kanak-kanak yang dihasilkan oleh Xu You Bin dengan tertumpu kepada nilai murni yang dipaparkan melalui watak utama dalam novel yang akan dikaji. Dapatan kajian ini mungkin terbatas untuk memahami secara mendalam tentang aspek nilai murni yang terkandung dalam novel Xu You Bin sahaja dan tidak dapat memberi gambaran yang sebenar tentang ciri-ciri nilai murni yang terkandung dalam novel kanak-kanak secara keseluruhan.

